



UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN BOWLING PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA 2018

1. PERATURAN PERTANDINGAN

1.1 PENGENALAN

Pertandingan ini dinamakan **PERTANDINGAN BOWLING PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA 2018** anjuran Persatuan Juru X-Ray Malaysia.

1.2 TARIKH DAN TEMPAT

Pertandingan akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tempat : **Ampang Superbowl Bangi Gateway,
Bandar Baru Bangi, Selangor.**

Tarikh : **21 Julai 2018 (Sabtu)**

Masa : **2.00 petang**

2. PENYERTAAN

2.1 Pertandingan adalah mengikut kategori berpasukan dengan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap kumpulan.

- 2.2 Penyertaan hanya dibuka kepada **20 pasukan** sahaja berdasarkan *first come first serve*.
- 2.3 Setiap pasukan mengandungi 4 orang pemain

3. YURAN PENYERTAAN

- 3.1 Setiap pasukan dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM160.00** sepasukan.
- 3.2 Kasut akan disediakan oleh pihak penganjur dan saiz kasut adalah terhad kepada yang ada di sana sahaja.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Urusetia Pertandingan Bowling Persatuan Juru X-Ray Malaysia 2018. Hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian. Susunan nama pemain akan diambil kira dari borang pendaftaran pemain mengikut turutan nombor yang dicatat.
- 4.2 Pertukaran nama-nama pemain boleh dilakukan selewat-lewatnya sehari sebelum pertandingan bermula.
- 4.3 Jabatan boleh menghantar lebih dari satu pasukan yang terdiri dari Juru X-ray dan merupakan **ahli Persatuan Juru X-ray Malaysia yang berdaftar dan berbayar**.
- 4.4 Hanya **SEORANG** sahaja pemain yang pernah mewakili negara dan negeri bagi pertandingan peringkat Kebangsaan, MAKSAM dan SUKMA tahun 2010 hingga kini yang boleh didaftarkan dalam satu pasukan.
- 4.5 Setiap pemain hanya dibenarkan mewakili satu pasukan sahaja.
- 4.6 Semua pasukan yang telah mengesahkan penyertaan hendaklah mendaftar pasukan masing-masing pada 21 Julai

2018 sebelum atau pada jam 1.45 petang di meja urusetia di Ampang Superbowl Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi, Selangor.

5. CARA PERTANDINGAN

- 5.1 Kejohanan ini akan dijalankan secara:
 - i. Berpasukan (4 sepasukan dengan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam satu pasukan).
- 5.2 Semua pasukan akan bermain sebanyak tiga (3) game.
- 5.3 Kedudukan lane semua pasukan akan ditentukan oleh pihak Penganjur.
- 5.3 Semua pasukan akan bermain secara `cross lane`.
- 5.5 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 5.6 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di lorong permainan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 5.7 Pasukan yang enggan bermain pada waktu yang dijadulkan itu akan dianggap sebagai menarik diri (iaitu memberi *walk-over*).

6. PENENTUAN KEMENANGAN

- 6.1 Pasukan yang memungut jumlah jatuhan pin terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

6.2 Kategori Hadiah adalah:

Juara @ RM300.00 berserta Piala Pusingan
(Kategori Berpasukan)

Naib Juara @ RM200.00
(Kategori Berpasukan)

Tempat Ketiga @ RM100.00
(Kategori Berpasukan)

Juara High Score @ RM100
(Individu Lelaki)

Juara High Score @ RM100
(Individu Wanita)

Medal juga akan diberi kepada pemenang.

(Hadiah Pertandingan akan diubah jika penyertaan pasukan berkurangan / berdasarkan penyertaan pasukan)

6.3 Sekiranya setelah semua perlawanan selesai dan dua pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah pin yang sama maka kaedah berikut akan diambilkira untuk menentukan pemenang:

- a. Jumlah terbanyak jatuhan pin pasukan permainan terakhir (game ketiga) dianggap sebagai pemenang. Jika masih sama jumlah jatuhan pin game kedua dan seterusnya game pertama akan diambilkira.
- b. Jika masih juga sama, pemenang bersama akan diisytiharkan.

7. PAKAIAN

7.1 Semua pasukan/ pemain mesti memakai pakaian yang bersesuaian.

8. BANTAHAN

- 8.1 Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan kepada Urusetia Pertandingan. Surat bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran secara Tunai sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja). Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- 9.1 Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Urusetia Pertandingan sebelum atau pada **6 Julai 2018 (Jumaat)**
- 9.2 Syarat-syarat dan peraturan di atas boleh diubah atau ditambah oleh penganjur tanpa perlu memaklumkan kepada pasukan-pasukan yang akan bertanding; dan
- 9.3 Segala keputusan oleh pihak penganjur adalah muktamad.

**Setiausaha
Persatuan Juru X-Ray Malaysia
C/O Jabatan Radiologi, Pusat Perubatan UKM,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.
(u.p. Encik Mazli Mohamad Zin,**

**Tel: 03-9145 5608, faks: 03-9145 6682,
e-mel: mazli888mz@gmail.com)**